

06 AUG 2002

Mahathir-Usahawan (Bergambar)

USAHAWAN B/PUTERA PERLU UBAH SIKAP BERGANTUNG KEPADA KONTRAK KERAJAAN

PETALING JAYA, 6 Ogos (Bernama) -- Usahawan bumiputera perlu mengubah sikap daripada bergantung 100 peratus kepada kerajaan untuk membeli apa saja barangan keluaran mereka kerana pasarannya terhad dan ianya bukan cara perniagaan sebenar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata usahawan bumiputera perlu menumpukan perhatian kepada pasaran terbuka kerana ianya merupakan pasaran sebenar yang dapat membantu mempertingkatkan kualiti dan memperkembangkan permintaan terhadap barangan mereka.

"Saya dapati usahawan bumiputera perlu pada jaminan kerajaan untuk membeli barangan keluaran mereka, dan ini bukan 100 peratus perniagaan," katanya pada perasmian konvensyen dua hari Usahawan Wanita 2002 anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata walaupun perniagaan seperti itu tidak mempunyai risiko, serta tidak memerlukan pengurusan yang cekap dan baik, ianya tidak dapat membantu memperkembangkan perniagaan itu.

"Usahawan perlu elak daripada bergantung sangat kepada kerajaan untuk membeli barangan keluaran mereka. Sebaliknya perlu cuba memasarkan barangan pada orang awam, dalam dan di luar negara," katanya.

Pada persidangan media kemudian, Perdana Menteri berkata, 100 peratus kontraktor bumiputera bergantung kepada kontrak kerajaan, dan jika tidak ada kontrak kerajaan "mereka tidak bersaing sepenuhnya."

"Dengan kontrak itu pun di antara mereka sendiri tidak sanggup bersaing sebab itu (apabila diberi kontrak mereka selalu) hendak runding terus," katanya.

Beliau berkata jika tiada persaingan antara usahawan bumiputera, bagaimana kualiti dan kecekapan mampu dipertingkatkan.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir turut menyentuh mengenai kurangnya barangan cenderamata hasil keluaran tempatan untuk dijual di pusat-pusat pelancongan kerana kekurangan kemampuan pengeluaran tempatan untuk menghasilkan barangan berkenaan secara besar-besaran.

"Saya amat sedih di mana tempat-tempat pelancongan seperti di Pulau Langkawi, barangan cenderamata yang dijual kebanyakannya dibuat di Thailand, Taiwan, China dan Filipina," katanya.

Beliau berkata: "Nak cari made in Malaysia, tiada langsung."

Dr Mahathir berkata para pengeluaran barangan cenderamata dan kraftangan perlu mengubah cara pengeluaran mereka dari cara lama yang bergantung kepada kemahiran individu tertentu kepada penggunaan mesin yang mampu mengeluarkan barangan dengan jumlah yang besar.

Kerajaan juga akan menghidupkan kembali projek "satu kampung satu produk" dengan lebih sistematik yang akan dijalankan secara industri kecil di kampung-kampung yang dikenali, katanya.

Beliau berkata projek berkenaan akan diuruskan oleh seorang pengurus dengan para pekerja sepenuh masa dengan penggunaan mesin bagi memastikan barangan yang dihasilkan berkualiti dan dapat memenuhi permintaan.

Sebelum ini, projek itu dijalankan di rumah-rumah oleh pengusaha kecil-kecilan mengikut waktu yang terluang, katanya.

Beliau berkata projek itu yang dimulakan di Jepun telah dapat dibangunkan dengan jayanya di Thailand.

Antara projek yang telah dikenali ialah pengeluaran tuala bersulam dengan penggunaan mesin yang didapati mempunyai pasaran tempatan yang besar, katanya.

Perdana Menteri juga turut menekankan pentingnya para usahawan menjalankan perniagaan mereka mengikut etika dan budaya perniagaan yang ditentukan bagi memastikan perniagaan mereka berjaya.

Beliau berkata mereka perlu mempraktikkan budaya perniagaan yang berasaskan nilai hidup yang baik, amanah dan jujur terutama dalam pengendalian wang syarikat, serta mempraktikkan pengurusan yang cekap.

"Untuk menjadi usahawan, mereka perlu tahu bidang yang ingin dimasuki serta memahami etika dan budaya (perniagaan), serta mempunyai kecekapan pengurusan serta tahu menjaga kos pengeluaran dan pengetahuan mengenai permintaan pasaran," katanya.

Dr Mahathir berkata usahawan yang tidak dapat menahan nafsu apabila melihat wang yang banyak yang boleh diambil begitu sahaja, walaupun syarikat itu milik mereka sendiri, telah melakukan jenayah kerana pengurusan wang yang baik adalah penting dalam memastikan kejayaan perniagaan mereka.

-- BERNAMA

HK AHH ROS